

Latih anak urus wang

"Sejak anak kecil, saya pastikan mereka menguasai matematik dan akaun"
Latifah Mohd Ghazali

■ Semua lima ahli keluarga terbabit kerjaya kewangan, urus risiko



FAMILI

Oleh NORIAH IDRIS
nori@hmetro.com.my

Hampir satu keluarga meminati bidang pengurusan kewangan kerana sejak kecil lagi anak dilatih untuk berjiwat-bercermat.

Bahkan, Latifah Mohd Ghazali, 47, membekalkan setiap anaknya buku ajar untuk mencatat setiap sen dibelanjakan secara harian atau bulanan sebagai jihad meningkatkan ekonomi keluarga.

Hasilnya kini, hampir semua ahli keluarga seramai lima orang kecuali yang bongsu terbabit dalam kerjaya pengurusan kewangan dan pengurusan risiko.

Manakala suami, Kamal Bujang, 51, menjadi tulang belakang kepadanya dan sentiasa menyuntik semangat kerja keras untuk membangunkan syarikat yang ditubuhkan bersama lebih 20 tahun dulu.

Lebih membanggakan, pasangan ini turut mewariskan legasi kepada dua daripada tiga anak mereka iaitu Mohd Rafiq Najmuddin, 24, dan Nurul Atiqah, 23, serta menjadikan pengurusan kewangan sebagai sandaran masa depan keluarga.

Katanya, cuma anak bongsu, Nurul Amalina, 19,

memilih bidang berbeza iaitu pengajian dalam fisioterapi di sebuah institusi pengajian tinggi swasta dan tidak menunjukkan minat serupa dengan abang mahupun kakaknya.

"Sejak kecil, saya pastikan anak menguasai Matematik dan akaun. Mereka didedahkan kepada kepentingan menguruskan kewangan masing-masing dengan berhemah kerana sejak di sekolah rendah, saya ada buku ajar untuk mencatat pergerakan atau aliran kewangan sendiri.

"Saya adalah ibu serta perancang ekonomi keluarga yang mahu memastikan perniagaan ini berjalan lancar. Justeru, saya dan suami menyediakan tapak kukuh buat anak supaya mereka meneruskan kesinambungan perniagaan dengan berjaya," katanya.

Kata Latifah, amalan keluarganya sangat ketat kerana setiap individu harus menjadi pengurus kewangan diri sendiri, malah dia turut meletakkan syarat bakal menantunya 'wajib' mempunyai pengetahuan dalam bidang berkenaan.

Dia tidak menafikan ramai golongan muda mufliis hari ini berpunca daripada sikap boros dan kurang bijak menangani masalah kewangan.

Sebagai insan yang arif dalam bidang berkenaan, dia menyarankan remaja atau

belia mengamalkan bajet berhemah bagi mengelak fenomena mufliis.

Katanya, menerusi perniagaan dijalankan bersama suami dikenali sebagai L & K Multivision Sdn Bhd, sehingga kini mereka memiliki 50 ejen di seluruh negara manakala Mohd Rafiq Najmuddin dan Nurul Atiqah mengendalikan ejen mereka dengan penuh dedikasi.

Menurutnya, sepanjang 20 tahun terbabit dalam kerjaya berkenaan, dia juga tenaga pengajar sambilan di beberapa kolej serta universiti tempatan sama ada awam atau swasta, sekali gus berkongsi ilmu serta pengalaman menariknya dengan

penuntut.

Dia yang juga pemilik Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaan dengan pengkhususan Pemasaran Kewangan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menitipkan rahsia selain bijak mengatur perbelanjaan, individu juga disarankan menabung di rumah.

Katanya, sediakan tabung khas untuk menyimpan setiap lebihan duit syiling sebaik mungkin kerana jumlah yang sedikit akan bertambah banyak jika dilakukan dengan disiplin.

Bagi Latifah sekeluarga, amalan membentangkan penyata kewangan setiap tiga bulan sekali, diikuti enam bulan selepas itu hingga penghujung tahun, dilakukan demi mencapai impian tertentu.

Katanya, wang daripada tabung berkenaan digunakan untuk belanja makan di luar bersama seisi keluarga selain melancong ke luar negara.

"Saya harap dalam setiap keluarga di negara ini, sekurang-kurangnya seorang faham mengenai pengurusan kewangan dan risiko mengenainya.

"Untuk itu, takaful dianggap elemen pengurusan kewangan dan pengurusan risiko ketika berdepan ujian seperti hilang upaya, kematian atau memerlukan rawatan di hospital.

"Bagi membantu masyarakat, saya mengadakan kelas percuma setiap Sabtu di pejabat di Bandar Baru Bangi, Kajang, Selangor menerusi



Profil

Latifah



- **NAMA:** Latifah Mohd Ghazali
- **KERJAYA:** Pengarah Urusan, L & K Multivision Sdn Bhd
- **USIA:** 47 tahun
- **PENDIDIKAN:** Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaan (Pemasaran Kewangan), Universiti Putra Malaysia
- **ASAL:** Rembau, Negeri Sembilan
- **SUAMI:** Kamal Bujang
- **ANAK:** Mohd Rafiq Najmuddin (24), Nurul Atiqah (23) dan Nurul Amalina (19)

pelbagai topik perbincangan.

"Antara ditekankan ialah peranan dokumen hibah dan penama, merancang persaraan selesa, menyediakan akaun pendapatan soko-nangan, simpanan untuk pendidikan anak dan tabung amal jariah," katanya.

Walaupun perniagaan bertujuan meraih keuntungan, wang bukan segala-galanya dalam kehidupan. Untuk itu, katanya, amalan yang disarankan untuk menjemput rezeki boleh dilakukan, misalnya bersedekah pada setiap Jumaat di masjid bagi mencegah sifat bakhil.

Menurutnya, selepas bekerja gigih, setiap tahun dia membawa keluarga dan kakitangan bercuti sama ada dalam atau luar negara.

Sementara itu, Nurul Atiqah berkata, ibu bapanya adalah insan paling banyak mendidiknya dalam aspek pengurusan kewangan dan dia menceburi kerjaya itu seawal usia 18 tahun.



LATIFAH bersama anak dan suami.